



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

PENDIDIKAN MUZIK
TINGKATAN 2

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.


Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia



Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.0 Bidang Ensembel Nyanyian	<p>1.1.1 Bernyanyi secara <i>canon</i> dengan;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) pic yang betul (ii) dinamik yang betul (iii) tempo yang betul <p>1.1.2 Bernyanyi dengan teknik yang betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) register suara (<i>head, middle, chest</i>) (ii) sebutan huruf vokal (a,e,i,o,u) (iii) penghasilan ton 		<p>1.1.3 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) sebelum, semasa dan selepas latihan. (ii) sebelum, semasa dan selepas persembahan.

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.0 Bidang Ensembel Muzik	<p>2.1.1 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik yang betul berdasarkan skor.</p> <p>2.1.2 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan pic yang betul berdasarkan skor.</p> <p>2.1.3 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan ton yang betul berdasarkan skor.</p> <p>2.1.4 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan irama yang betul berdasarkan skor.</p>	<p>2.1.5 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan mengaplikasikan dinamik berdasarkan skor</p>	<p>2.1.6 Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti permainan alat muzik:</p> <p>(i) sebelum, semasa dan selepas latihan.</p> <p>(ii)sebelum, semasa dan selepas persembahan.</p>

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.0 Bidang Membaca Dan Menulis Notasi Muzik	<p>3.1.1 Membaca dan menulis jenis not serta tanda rehat mengikut nilai: (i) krocet bertitik (ii) kuaver</p> <p>3.1.2 Membaca dan menulis not serta tanda rehat berdasarkan meter</p> <p style="text-align: center;">$\frac{3}{4}$</p> <p>3.1.5 Membaca, memahami dan menulis arahan persembahan: (i) <i>Fine</i></p>	<p>3.1.3 Menerangkan maksud dan menulis terminologi dinamik: (i) <i>pianissimo (pp)</i> (ii) <i>fortissimo (ff)</i></p> <p>3.1.4 Membaca, memahami dan menulis terminologi tempo: (i) <i>Moderato</i></p>	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>(ii) Tekanan (iii) <i>Tie</i> (iv) <i>Slur</i></p> <p>3.1.6 Membaca, memahami dan menulis not dalam klef bes sehingga 1 garisan lejer</p>  <p>3.1.7 Menulis skel dalam klef treble secara menaik dan menurun dalam: (i) G major (1 oktaf) (ii) E minor harmonik (1 oktaf)</p>		<p>3.1.9 Mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi dalam aktiviti muzik.</p>

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	3.1.8 Menulis kord primer dalam kedudukan perdu dalam nada: (i) G major (ii) E minor		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.0 Bidang Penghasilan Muzik	<p>4.1.1 Mencipta corak irama menggunakan:</p> <p>(i) meter</p> <p>$\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$</p> <p>(ii) jenis not</p> <p></p> <p>(iii) tanda rehat</p> <p></p>	<p>4.1.2 Merancang dan membuat persembahan hasil ciptaan.</p>	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.0 Bidang Apresiasi Muzik		<p>5.1.1 Mendengar dan memberi pendapat tentang muzik popular dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) genre muzik (ii) latar belakang muzik (iii) alat muzik (iv) fungsi muzik (v) cara persembahan <p>5.1.2 Merancang dan membentangkan ulasan muzik di dalam kelas.</p>	

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917